

Headline **Ramai yakin BN mampu bawa kemajuan Kelantan**
Date **17. Feb 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Minggu** Page No **9**
Section **Nasional** Article Size **380** cm2
Circulation **356414** Frequency **Daily**
Readership **1869000** Color **Full Color**



Ramai yakin BN mampu bawa kemajuan Kelantan

Ahli profesional, pakar ekonomi mahu rakyat beri sokongan penuh

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak seperti ahli profesional, pakar ekonomi dan tenaga institusi pengajian tinggi (IPT) di kalangan anak Kelantan di luar negeri itu menyifatkan komitmen Barisan Nasional (BN) membawa perubahan besar bagi memperbaiki kepincangan akibat kegagalan pemerintah kerajaan Pas, perlu diberi sokongan penuh seluruh rakyat.

Malah, mereka mengakui dan menyokong kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bahawa kemajuan dan pembangunan fizikal seperti sekolah, jalan raya, jambatan di Kelantan, dilaksanakan Kerajaan Pusat, manakala kerajaan Pas gagal memenuhinya termasuk perhatian terhadap pemuliharaan hutan dan sungai.

Selain itu, komitmen berterusan pemimpin BN membantu dan membela nasib golongan miskin dan usaha menghapuskan kemiskinan tegar di negeri itu, membuktikan Kerajaan Pusat sentiasa prihatin terhadap masalah itu.

Sehubungan itu, mereka berharap BN melaksanakan janji memperbaiki segala kepincangan dan kegagalan pemerintahan Pas selama 18 tahun berkuasa di negeri itu, yang bukan sekadar janji pilihan raya jika rakyat memberi mandat baru kepada BN dalam pilihan raya umum kali ini.

Pakar ekonomi dan perbankan Islam, Datuk Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani, berkata Kelantan mampu muncul antara negeri paling maju di negara ini jika berada di bawah kerajaan BN dalam semua aspek seperti pendidikan, ekonomi dan sosial.

Bagaimanapun, katanya, masih ba-

Kelantan mampu muncul antara negeri paling maju di negara ini jika berada di bawah kerajaan BN dalam semua aspek seperti pendidikan, ekonomi dan sosial"

**Dr Nik Norzrul Thani
Nik Hassan Thani**

Pakar ekonomi dan perbankan Islam

nyak usaha perlu dilakukan menjadikan Kelantan sebagai negeri maju dan perkara itu boleh berlaku jika ditadbir kerajaan BN.

“Dalam bidang ekonomi, pelaburan yang ada di negeri itu juga hasil usaha dibawa Kerajaan Pusat dan kalau harap kepada kerajaan Pas, mungkin sukar mendapat kepercayaan pelabur luar melabur di negeri itu.

“Saya percaya pertumbuhan ekonomi juga akan lebih rancak jika Kelantan diuruskan (pemerintahan) kerajaan BN, sekali gus boleh meningkatkan pendapatan perkapita rakyat yang ketika ini hanya pada paras RM1,800 setahun, paling rendah berbanding Terengganu dan Pahang bagi negeri Pantai Timur,” katanya.

Pengarah IIUM Properties Sdn Bhd, anak syarikat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Dr Che Musa Che Omar, berkata Kelantan mampu menjadi negeri gerbang ekonomi Pantai Timur kerana kedudukannya strategik sebagai pintu masuk perdagangan dengan negara Indo China.

Katanya, hasil bumi seperti emas, marmar dan gas asli juga belum diteroka secara besar-besaran yang boleh menjadi sumber ekonomi besar kepada negeri itu dan rakyatnya.

“Seperti rancangan pelaksanaan Koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi, baru-baru ini juga mampu merencanakan proses kemajuan dan pertumbuhan ekonomi di negeri itu, tetapi ia boleh dilaksanakan secara berkesan jika ada persamaan dasar kerajaan negeri dan Pusat,” katanya.

Pakar Alam Sekitar yang juga Ketua Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Kamil Yusoff, berkata dari segi program pemuliharaan alam sekitar membabitkan hutan dan sungai, Kerajaan Kelantan agak ketinggalan berbanding negeri lain.

Beliau juga mengakui Sungai Kelantan suatu ketika antara yang tercantik dan bersih, kini kotor kerana aktiviti pembalakan di hulu sungai.

Kelmarin, Najib ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Kesihatan Kelantan, di Hospital Raja Perempuan Zainab II, berkata BN mahu menawan semula Kelantan pada pilihan raya umum kali ini untuk menjadikan 2008 sebagai “Tahun Merawat Kelantan” daripada segala kepincangan serta kegagalan pemerintahan Pas sejak 18 tahun lalu.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, langkah itu penting bagi menyembuh keadaan ekonomi dan sosial di negeri itu secara menyeluruh, sekali gus memajukannya setanding negeri lain yang diperintah BN.